
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HIS 213 – SUMBER DAN PRINSIP PERUNDANGAN ISLAM

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja daripada soalan-soalan berikut dan SOALAN 1 adalah WAJIB dijawab.

...2/-

1. Hukum *taklifi* dan hukum *wad'ie* adalah hukum yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf. Berdasarkan pembelajaran anda, jawab soalan-soalan berikut:
- [a] Jelaskan perbezaan maksud serta huraikan secara kritis istilah-istilah berikut.
- [i] *wajib mutlaq* (واجب مطلق) dan *wajib muqayyad* (واجب مقيد) [20 markah]
- [ii] *haram lidhatih* (حرام لذاته) dan *haram li-ghayrih* (حرام لغيره) [20 markah]
- [iii] *sabab* (سبب) dan *syarat* (شرط) [20 markah]
- [b] Berikan EMPAT bentuk keringanan (*rukhsah*) dalam sesuatu taklif syarak beserta dengan satu contoh bagi setiap bentuk. [40 markah]
2. al-Qur'an dan al-Hadith adalah dua sumber utama perundangan Islam. Berdasarkan kenyataan ini, huraikan perkara-perkara berikut serta bawakan satu contoh bagi setiap satunya.
- [a] Perbezaan antara ayat *khafi* (خفي) dan ayat *musykil* (مشكل) [30 markah]
- [b] TIGA bentuk nasakh al-Qur'an [30 markah]
- [c] Pentakrifan al-Hadith secara terperinci [40 markah]
3. al-Ijmak (الإجماع) dan al-Qiyas (القياس) merupakan sumber hukum yang penting dalam perundangan Islam. Berdasarkan keterangan ini, jawab beserta dengan satu contoh bagi setiap perkara.
- [a] Perbezaan ijmak *sorih* (إجماع صريح) dan ijmak *sukuti* (إجماع سكوتي) [20 markah]
...3/-

- [b] Perbezaan antara *'illah* (علة) dan *hikmah* (حكمة)
[20 markah]
- [c] TIGA bentuk al-Qiyas: *al-Syabah* (قياس الشبه), *al-'Illah* (قياس العلة) dan *al-Dalalah* (قياس الدلالة)
[60 markah]
4. Huraikan konsep masalahah (مصلحة) berasaskan:
- [a] TIGA pembahagian masalahah dari sudut pengiktirafan syarak
[30 markah]
- [b] TIGA syarat beramal dengan masalahah menurut pandangan Imam Malik
[30 markah]
- [c] Kenyataan al-Syatibi bahawa "*Syariat tidak ditaklifkan kecuali untuk kebaikan semua umat manusia*" (الشريعة ما وضعت إلا لتحقيق مصالح العباد)
[40 markah]
5. Jelaskan takrif sumber perundangan Islam di bawah bersama dengan DUA dalil hujahan masing-masing.
- [a] *al-'Urf* (العرف)
[25 markah]
- [b] *al-Istihsan* (الإستحسان)
[25 markah]
- [c] *al-Istishab* (الإستصحاب)
[25 markah]
- [d] *Fatwa Sahabat* (فتوى صحابة)
[25 markah]

- 4 -

6. Huraikan pandangan ulama' Usul al-Fiqh tentang perkara berikut bersama dengan satu contoh bagi setiap satu perkara.

[a] *Ijtihad, taqlid, ittiba' dan talfiq* [40 markah]

[b] "Asal pada sesuatu itu adalah harus" (الأصل في الأشياء الإباحة) [20 markah]

[c] "Asal pada tanggungjawab ialah bersih daripada taklif dan hak" (الأصل في الذمة البراءة من التكليف والحقوق) [20 markah]

[d] "Asal pada ibadat itu adalah haram selagi tidak diperintahkan" (الأصل في العبادات حرام ما لم تؤمر) [20 markah]

- ooo0ooo -